

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



Amin...Amin, maruah bahasa dan agama

SEWAKTU berdoa, semua pemimpin parti GERAKAN tunduk hormat. Hanya Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengaminkan, memohon restu Ilahi.

Doa ini dibacakan oleh ahli GERAKAN, Haji Daud Haji Wahab, seurus selepas Perdana Menteri merasmikan Persidangan Perwakilan ke-11 parti itu, di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, semalam.

Pembacaan doa ini membanggakan semua, lebih-lebih lagi apabila ia dilafazkan dalam majlis yang hampir kesemua yang hadir bukan beragama Islam.

Para hadirin Islam boleh dikira dengan jari saja.

Inilah langkah pertama parti politik bukan beragama Islam menghormati Agama Rasmi Negara, dalam majlis perhimpunan.

Juga membanggakan apabila Bahasa Malaysia, Bahasa Rasmi Negara, digunakan dalam acara perasmian.

Juruacara bertutur dalam Bahasa Malaysia, sepertimana Presiden GERAKAN, Datuk Dr. Lim Keng Yaik dan Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr. Mahathir lakukan.

Dan, terbukti tidak cacat dan terencat pada majlis itu. Malah, tetap bersemangat dan tambah bergemuruh.

Foto: KHALID REDZA.